

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 4 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1432-MQT0893
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah NADMA sudah menyediakan garis panduan patuh syariah dalam pengurusan dan penempatan mangsa banjir terutama yang melibatkan mangsa bermalam di Pusat Penempatan Sementara.

2. PR-1432-MQT0880
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada KPM merancang untuk menutup sekolah di Zon Merah COVID-19, seperti Kuching, Sarawak dan sekiranya tidak, sama ada pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan.

3. PR-1432-MQT0886
Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan undang-undang khas seperti Administration of Justice (Protection) Act 2016 di Singapura bagi menangani kes-kes menghina mahkamah yang kian meningkat, terutamanya di media sosial, secara lebih efektif.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 4 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 15

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1432-L09688
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah peranan dan usaha yang dilaksanakan oleh MOSTI ketika negara berhadapan dengan ancaman wabak COVID-19.

2. PR-1432-L10001
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK) ditangguhkan dari bulan Ogos sehingga ke tahun depan dan sejauh manakah permasalahan fiskal menjadi punca kepada penangguhan tersebut selain daripada penularan wabak COVID-19 dan penyusunan semula Kementerian.

3. PR-1432-L09720
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan setakat mana sumbangan wang zakat dan baitulmal digunakan untuk membantu golongan terkesan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

4. PR-1432-L10017
Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor yang bekerja bersama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan berapa nisbah doktor dan penduduk Malaysia. Adakah Malaysia merancang untuk menambah bilangan doktor sesuai dengan saranan nisbah Pertubuhan Kesihatan Antarabangsa atau *World Health Organization (WHO)* yang menyarankan 1 doktor setiap 500 penduduk. Sekiranya ya, apakah perancangan Kementerian agar nisbah 1:500 ini dapat dicapai. Seterusnya, maklumat yang sama diberikan bagi doktor pergigian dan ahli farmasi dari segi nisbah dan langkah yang akan diambil.

5. PR-1432-L09022
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan 10 perancangan utama secara terperinci untuk meningkatkan pendapatan Bumiputera serta menambahkan bilangan masyarakat kelas menengah merentasi pelbagai kaum. Apakah contoh-contoh perancangan RMKe-12 yang akan mengukuhkan ekonomi Bumiputera.

6. PR-1432-L08906
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah fungsi, bidang kuasa Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) ini, agensi Kerajaan yang ditempatkan di bawah penyeliaan dan pemantauan beliau dan pencapaian 100 hari beliau dilantik.

7. PR-1432-L08828
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan Projek Klinik Kesihatan Kelas 3 di Bahagian Serian, Sarawak.

8. PR-1432-L09404
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua pusat kuarantin, kontraktor swasta yang terlibat dalam penyediaan makanan dan perkhidmatan lain (nyatakan setiap satu), tempoh dan kos kontrak setiap satunya.

9. PR-1432-L09358
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan telah mengkaji sepenuhnya undang-undang berkaitan muflis dan pihak Kerajaan akan meminda undang-undang tersebut bagi memudahkan mereka yang diisytihar muflis dapat menyelesaikan hutang mereka lebih mudah agar status kebangkrapan tidak berkekalan sepanjang hayat.
10. PR-1432-L09536
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan tapak yang telah diluluskan untuk membina PDF Lynas. Adakah DEIA telah dilakukan, berapa keluasan tanah yang akan digadaikan, 'buffer zone' dan bilakah kawasan ini boleh digunakan semula untuk aktiviti pembangunan.
11. PR-1432-L09918
Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah kunci utama kejayaan Kementerian dalam menangani isu wabak COVID-19 yang semakin berkurangan sehingga Malaysia dijadikan contoh terbaik di seluruh dunia; dan
 - (b) apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian dalam menemui vaksin untuk merawat pesakit wabak COVID-19.
12. PR-1432-L08851
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan cadangan menjadikan kawasan China Town Pusat Bandaraya Kuala Lumpur sebagai kota warisan dan terpelihara dari kemasukan warga asing baik untuk kediaman dan perniagaan mereka.
13. PR-1432-L09397
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah komitmen Kerajaan terhadap penggubalan Rang Undang-undang Pembiayaan Dana Politik untuk mengawal selia sumbangan politik bagi mengelakkan berlakunya rasuah; dan
 - (b) apakah maklum balas serta cadangan yang telah diterima oleh Kerajaan berkenaan penggubalan rang undang-undang ini.

14. PR-1432-L09859
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan di dalam ikhtiar untuk membantu pekebun-pekebun kecil komoditi, adakah Kementerian berhasrat untuk melaksanakan subsidi berasaskan '*output*' iaitu ganjaran mengikut prestasi berbanding subsidi '*input*'.

15. PR-1432-L09977
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Surau Nurul Islam di Bandar Labuan akan dinaik taraf dan dibesarkan kapasitinya memandangkan ia selalu penuh dan sesak terutamanya pada hari Jumaat dan selalu digunakan oleh penumpang-penumpang dari Terminal Feri dan bot antarabangsa Labuan.

16. PR-1432-L09346
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini penyakit tibi (*tuberculosis*) di Sarawak dan di seluruh Malaysia dan berapa jumlah kematian yang disebabkan oleh *tuberculosis* serta apakah langkah yang lebih drastik diambil oleh Kementerian untuk mengatasi penyakit tibi.

17. PR-1432-L10039
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sumbangan yang telah dilakukan oleh institusi zakat dalam menangani COVID-19 dan apakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu perbadanan zakat negara dalam memastikan kutipan dan agihan zakat lebih seragam.

18. PR-1432-L09845
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini untuk membina satu makmal ujian yang baru di Sandakan seperti yang diumumkan pada 14 April 2020 oleh Kementerian sebagai salah satu daripada usaha untuk meningkatkan kemampuan melakukan ujian COVID-19.

19. PR-1432-L09894
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan Kerajaan bagi membantu golongan B40 yang hilang punca pendapatan dan tidak mampu membayar sewa rumah atau sewa pejabat disebabkan oleh PKP. Apakah langkah-langkah akan diambil oleh Kerajaan supaya penghuni rumah sewa dan pejabat tidak dihalau dengan serta merta.

20. PR-1432-L08966
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab dan jumlah kos yang terlibat ekoran kelewatan pelaksanaan projek multi blok Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang. Perincian perkembangan projek berkaitan sehingga kini dan nyatakan juga projek-projek naik taraf hospital-hospital di Pulau Pinang sehingga tahun 2023. Perincian tempoh pelaksanaannya.
21. PR-1432-L09641
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan Kerajaan bagi merealisasikan syor Jawatankuasa Tertinggi Hal Ehwal Islam yang pernah dibentuk oleh Majlis Raja-Raja selepas Mei 2018.
22. PR-1432-L08989
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah agaknya pembayaran '*one-off payment*' yang telah dijanjikan akan dilaksanakan kepada anggota tentera yang telah menerima Pingat Jasa Malaysia (PJM).
23. PR-1432-L09279
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menyemak atau mengekal kerangka Dasar Luar Negeri 2019, hubungan dengan China, Jepun dan Amerika Syarikat.
24. PR-1432-L09043
Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status terkini kes timbang tara (*arbitration*) *ad hoc* berkenaan tuntutan wilayah ke atas negeri Sabah yang difailkan oleh waris Sultan Sulu terhadap Malaysia di Sepanyol.
25. PR-1432-L09550
Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendapatan tahunan, elaun mesyuarat dan kemudahan yang diterima termasuklah kepada semua duta-duta bertaraf Menteri bagi setiap perjawatan yang dilantik di bawah kuasa Perdana Menteri. Mohon Perdana Menteri nyatakan adakah Kerajaan Pakatan Nasional akan melaksanakan Pengisytiharan Harta di kalangan Jemaah Menteri kerajaan sekarang.

26. PR-1432-L09385
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan tentang usaha-usaha Kerajaan untuk memupuk perpaduan di kalangan anak-anak muda. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang sengaja mengangkat isu-isu perkauman dan agama yang sensitif melalui media sosial dengan tujuan memecahbelahkan rakyat.
27. PR-1432-L09979
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam membangunkan kawasan-kawasan di Menumbok hingga ke Pekan Kuala Penyu. Tidakkah Menteri merasakan kawasan ini patut dibangunkan sebagai kawasan perindustrian berasaskan eksport dan menggunakan pelabuhan Labuan untuk penghantaran ke pasaran di luar negara.
28. PR-1432-L09678
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membuka semula siasatan kes rasuah melibatkan bekas Menteri Kewangan di dalam urusan jual beli banglo yang telah ditarik balik pendakwaan ketika pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan.
29. PR-1432-L09025
Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sudahkah semua anggota jemaah Menteri dan ahli-ahli '*backbenchers*' mengisytiharkan harta. Jika belum, bila akan dilakukan.
30. PR-1432-L09494
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan alasan-alasan atas mana Riza Shahriz Abdul Aziz dilepas tanpa dibebaskan daripada pertuduhan pengubahan wang haram dan sekiranya ada, apakah persetujuan berkenaan wang-wang terlibat dalam kes tersebut dan status pelaksanaan persetujuan itu setakat sekarang.
31. PR-1432-L09804
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah Ahli Parlimen yang telah mengisytihar harta setakat hari ini dan adakah Kerajaan bercadang memuat naik perisytiharan harta ke dalam laman sesawang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia seperti yang diamalkan dahulu.

32. PR-1432-L09403
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos, vendor/pemaju, agensi yang bertanggungjawab dan perbezaan fungsi aplikasi MyTrace, MySejahtera, dan Gerak Malaysia. Nyatakan keperluan untuk mewujudkan 3 aplikasi berbeza.
33. PR-1432-L09201
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan pelan Kerajaan dan SPR untuk membolehkan pengundi Sarawak yang tinggal/bekerja di Semenanjung Malaysia mengundi sebagai '*postal voter*' dalam pilihan raya yang akan datang.
34. PR-1432-L09462
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa keuntungan Tabung Haji bagi tahun 2018, 2019 dan unjuran keuntungan bagi tahun 2020. Adakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk menubuhkan sebarang Suruhanjaya Diraja (RCI) bagi menyiasat urusniaga-urusniaga yang telah dijalankan oleh Kerajaan Malaysia.
35. PR-1432-L08855
Tuan Pang Hok Liang [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk menghalang wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat daripada melompat parti dan untuk memelihara integriti, moral dan kesetiiaannya, bilakah Kerajaan akan menggubal undang-undang anti-lompat parti bagi memastikan wakil rakyat yang keluar parti perlu mengosongkan kerusi yang dimenangnya secara automatik.
36. PR-1432-L09312
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperkenalkan Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti untuk mencegah gejala lompat parti. Sekiranya tidak, apakah pertimbangan Kerajaan dan bagaimana menyelesaikan isu lompat parti.
37. PR-1432-L09880
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Pejabat Peguam Negara akan mengadakan garis panduan kepada anggota kehakiman untuk menyelaraskan hukuman terhadap kes-kes jenayah, supaya kes berat tidak dijatuhkan hukuman terlalu ringan manakala kes kecil dijatuhkan hukuman berat dan menjejaskan imej kehakiman Malaysia.

38. PR-1432-L09789
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membatalkan proses penstrukturan semula dan pemulihan Tabung Haji (TH) yang melibatkan pemindahan aset-aset TH yang tidak berdaya saing (*non-performing asset*) bernilai RM19.9 bilion ke syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Urus Harta Jamaah Sdn. Bhd. (UHJB).
39. PR-1432-L09541
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan secara terperinci syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk pelanjutan lesen operasi Lynas selama tiga tahun bermula Mac 2020.
40. PR-1432-L08905
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan sejak Mei 2018 untuk memperkasakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, kelemahan perundangan dan infrastruktur sedia ada, bilangan laporan yang diterima berbanding kes yang telah diambil tindakan dan sebab-sebab kes yang gagal disiasat atau diambil tindakan.
41. PR-1432-L09754
Tuan Wong Chen [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan memberi komitmen untuk meningkatkan peruntukan Parlimen dengan sekurang-kurangnya 20% daripada peruntukan semasa untuk membolehkan kesemua jawatankuasa pilihan khas mempunyai sumber daya yang mencukupi untuk meningkatkan keberkesannya.
42. PR-1432-L09799
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) apakah status penghantaran helikopter MD530G dan apakah status pembayaran kepada pihak kontraktor; dan
 - (b) status pembinaan Kapal Littoral Combat Ship dan berapakah kos tambahan yang bakal dibayar Kerajaan berbanding dengan kos asal yang terkandung di dalam kontrak.

43. PR-1432-L09248
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah cadangan '*electoral reform*' yang sudah pun melalui beberapa proses perbincangan akan dilaksanakan sebelum PRU15 dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperkasakan lagi Dewan Negara yang kini dilihat hanya sebagai '*rubber stamp*'.
44. PR-1432-L09172
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan Kerajaan telah berbincang dengan Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) tentang penempatan pelarian Rohingya ke negara lain. Adakah isu Rohingya ini akan menjejaskan hubungan Malaysia dengan Myanmar dan Bangladesh.
45. PR-1432-L09459
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek Masjid Pagoh dalam Kawasan Parlimen Pagoh selepas suntikan tambahan sebanyak RM3 juta yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada tahun lepas.
46. PR-1432-L09745
Tuan Wong Chen [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan meminda Akta Pembangunan Petroleum agar Petronas bertanggungjawab sepenuhnya kepada Parlimen dan untuk mengekang kuasa Perdana Menteri yang berlebihan.
47. PR-1432-L09081
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pelajar di luar negara tajaan Kerajaan atau syarikat berkaitan Kerajaan akan diminta menyambung pengajian di dalam negara terutama pelajar di negara yang masih terjejas dengan perintah kawalan berkurung atau pergerakan kerana COVID-19 serta mereka yang pernah dikesan positif COVID-19.
48. PR-1432-L09243
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
- (a) kos membina serta proses yang dilalui untuk mewujudkan tapak pelupusan kekal bagi sisa WLP kilang Lynas (PDF) serta garis masa yang ditetapkan oleh pihak Kementerian; dan
 - (b) pohon diberikan juga koordinat lokasi tapak PDF tersebut.

49. PR-1432-L09051
Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menyelesaikan isu pendatang asing tanpa izin (*undocumented migrants*) di negeri Sabah.
50. PR-1432-L08938
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah golongan pelarian dan pemohon suaka atau pelarian yang berdaftar dengan UNHCR dalam tahanan imigresen.
51. PR-1432-L09438
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang gaji kehidupan wajar (*living wage*) :-
- (a) apakah data kajian Bank Negara atau agensi Kerajaan lain kadar gaji kehidupan wajar mengikut geografi di Malaysia; dan
 - (b) adakah Kerajaan bersedia menimbang bayaran berbentuk elaun bagi memastikan penjawat awam menerima pendapatan setara dengan gaji kehidupan wajar di Lembah Klang.
52. PR-1432-L09769
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada dalam perjanjian penyelesaian antara 1MDB dan IPIC pada tahun 2017, segala obligasi pembayaran pokok dan faedah pinjaman bon sebanyak US\$3.5 bilion akan ditanggung oleh Kerajaan Malaysia. Adakah tuntutan untuk membatalkan perjanjian tersebut di mahkamah London akan diteruskan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] dan masalah dicadangkan:-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas. "

Menyambung semula perbahasan atas masalah (3 Ogos, 2020)

2. (D.R. 1/2020) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**
 Tambahan (2019) 2020 **Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion sembilan ratus tujuh puluh juta empat ratus sembilan puluh tujuh ribu tujuh ratus ringgit (RM4,970,497,700) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2019 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."

3. (D.R 2/2020) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**
(Penguntungan Semula Peruntukan **Yang Kedua**
Perbelanjaan) 2020

[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

"BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntungan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020."

4. (DR.3/2020) Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Pengangkutan]
5. (D.R 37/2019) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019 "
[Menteri Kesihatan]
6. (D.R 42/2019) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019 "
[Perdana Menteri]
7. (D.R. 25/2019) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 "
[Perdana Menteri]

8. PR-1432-UL064
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujukan."

9. PR-1432-U(27)116
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

[Perdana Menteri]

10. PR-1432-U(27)114
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Menteri Perpaduan Negara]

11. PR-1432-U(27)115
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

12. PR-1432-U(27)119
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

[Menteri Kewangan]

13. PR-1432-U(27)120
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

[Menteri Pengangkutan]

14. PR-1432-U(27)121

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula 'Free Flow 2KM ' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "Free Flow" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

[Menteri Dalam Negeri]

15. PR-1432-U(27)122

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

[Menteri Dalam Negeri]

16. PR-1432-U(27)123

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

[Perdana Menteri]

17. PR-1432-U(27)124

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

[Menteri Pengangkutan]

18. PR-1432-U(27)126

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

19. PR-1432-U(27)127

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

20. PR-1432-U(27)128

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

21. PR-1432-U(27)125

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

[Perdana Menteri]

22. PR-1432-U(27)117

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

[Menteri Dalam Negeri]

23. PR-1432-U(27)118

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

[Menteri Sumber Manusia]

24. PR-1432-U(27)129
Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."
[Perdana Menteri]
25. PR-1432-U(27)132
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."
[Perdana Menteri]
26. PR-1432-U(27)131
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] akan mencadangkan :-
"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :
Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;
Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;
Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVIC-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

[Perdana Menteri]

27. PR-1432-U(27)130

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

| <u>TAHUN 2020</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|--------------------------|--|---------------------------------------|
| ST. 1 | Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur Bagi Tahun 2018 | 4 Ogos 2020 |
| ST. 21 | Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Bagi Tahun 2018 | 4 Ogos 2020 |
| ST. 31 | Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tahun 2018 | 4 Ogos 2020 |
| ST. 64 | Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaya Bagi Tahun 2018 | 4 Ogos 2020 |
| ST. 65 | Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia Bagi Tahun 2018 | 4 Ogos 2020 |
| ST. 84 | Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia (LGM) Bagi Tahun 2018 | 4 Ogos 2020 |
| ST. 85 | Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan LGM Properties Corporation (LGMPC) Bagi Tahun 2018 | 4 Ogos 2020 |

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

| Tarikh Ucapan | Ahli Yang Berucap | Tajuk Ucapan | Menteri Yang Bertanggungjawab |
|---------------------------|--|--|--------------------------------------|
| 1. 04.08.2020 (Selasa) | 1. YB Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau) | 1. Persediaan Klinik Ulu Tiram Baru Di Bandar Cemerlang Untuk Menampung Permintaan Bilangan Pesakit Di DUN Tiram, Parlimen Tebrau. | 1. YB Menteri Kesihatan |

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**